





SIRI PANDUAN  
KENEGARAAN

---

# AMALAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

---

*Penyusun:*

NOOR AZILAWATI MOHD SABDA



PENERBIT PINANG SDN. BHD.

**PENERBIT PINANG  
SDN. BHD.**

No. 10, Blok A, Lot 778,  
Jalan Subang 4, Subang  
Light Industrial Park,  
47610 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 - 5637 7846  
Fax : 03 - 5637 7826

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.  
Cetakan pertama... 2005

**AMARAN ATAS HAK  
CIPTA**

Semua hak cipta terpelihara.  
Sebarang bahagian dalam  
buku ini tidak boleh  
diterbitkan semula atau  
dipindah dalam sebarang  
bentuk atau dengan sebarang  
cara, baik dengan cara  
elektronik, mekanik,  
penggambaran ataupun  
sebaliknya tanpa izin yang  
bertulis terlebih dahulu  
daripada Penerbit Pinang  
Sdn. Bhd.

**KANDUNGAN**

KONSEP KENEGARAAN	1
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	4
DEMOKRASI BERPARLIMEN	7
PILIHAN RAYA UMUM	13
RUKUN NEGARA	17
DOKTRIN PENGASINGAN KUASA	20
SUMBER UNDANG-UNDANG	31
SISTEM KEHAKIMAN	40
LAMBANG NEGARA	44
GLOSARI	52
SOALAN	54

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amalan demokrasi berparlimen / penyusun Noor Azilawati Mohd.  
Sabda.

(Siri panduan kenegaraan)  
ISBN 983-055-571-2 (set)  
ISBN 983-055-576-3

1. Democracy--Malaysia. 2. Malaysia--Politics and government.  
I. Noor Azilawati Mohd. Sabda. II. Siri.

Dicetak oleh: 3-1 MAR 2005  
Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (27013) 9595

NASKAH PENEHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01167981

M  
321 2001-35  
AMA



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

# KONSEP KENEGARAAN

### Pengenalan

Kita tinggal di sebuah negara yang dinamakan Malaysia. Negara kita dikelilingi oleh beberapa buah negara jiran yang terletak dalam lingkungan negara-negara ASEAN, termasuklah negara Singapura di selatan dan Thailand di utara.

Kenegaraan merujuk sesebuah masyarakat yang menduduki sesebuah kawasan atau wilayah tertentu yang diperintah oleh sesebuah kerajaan.

Undang-undang antarabangsa pula **mendefinisikan** sesebuah negara harus mengandungi ciri-ciri seperti sempadan yang jelas, penduduk, dan kerajaan yang sah atau diiktiraf.

Justeru konsep kenegaraan perlu difahami dengan jelas oleh rakyat kerana identiti mereka di peringkat global akan dikenali melalui negara yang mereka wakili. Rakyat yang tinggal dalam sebuah negara yang sah juga memiliki hak-hak tertentu yang wajib dilindungi.

Justeru apabila membicarakan tentang kajian kenegaraan, ia bolehlah dirujuk sebagai pengkajian tentang aspek-aspek pentadbiran, kerajaan, perundangan, dan kehakiman dalam sesebuah negara.

Dalam konteks Malaysia, Malaysia mempunyai ciri-ciri kenegaraan seperti yang dinyatakan di atas.

Malaysia mempunyai sempadan politik yang jelas, komposisi penduduk yang pelbagai kaum, dan sistem kerajaan demokrasi berparlimen yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan.

Secara umumnya, tonggak pemerintahan negara Malaysia adalah berlandaskan beberapa perkara seperti berikut:

- Perlembagaan Persekutuan
- Demokrasi Berparlimen
- Raja Berperlembagaan
- Pilihan Raya Umum
- Rukun Negara
- Doktrin Pengasingan Kuasa

Setiap rakyat yang tinggal dalam sesebuah negara wajib menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bagi terhadap negara tanah tumpah kelahirannya.

Dalam hal ini, rakyat haruslah mematuhi undang-undang negara yang dirangka kerajaan yang sah di samping bersedia melindungi negaranya daripada ancaman negara lain.



*Yang di-Pertuan Agong sedang mengiringi pemimpin luar negara yang melakukan lawatan ke negara ini.*



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

**PERLEMBAGAAN  
PERSEKUTUAN****PENGENALAN**

Setiap negara mempunyai perlembagaan tertentu yang menjadi tempat rujukan tertinggi dalam semua perkara yang melibatkan kepentingan negara.

Dalam hal ini, perlembagaan merupakan dokumen yang mengandungi undang-undang tertinggi untuk mewujudkan suatu sistem kerajaan yang teratur dan moden.

Undang-undang tertinggi tersebut merupakan punca atau tempat rujukan bagi segala bentuk perundangan lain yang wujud dalam sesebuah negara.

Ringkasnya, perlembagaan mengandungi peruntukan peruntukan umum tentang corak pemerintahan negara, hak-hak asas rakyat, kewarganegaraan, agama, bahasa, pilihan raya, dan perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan hal ehwal dalam negara yang turut mewakili kepentingan rakyatnya.

Sesebuah negara perlu mempunyai perlembagaan bagi menjamin kestabilan politik serta pemerintahan yang cekap dan adil. Tanpa perlembagaan, sudah tentu keadaan dalam negara akan menjadi huru-hara. Hal ini disebabkan setiap pihak akan mengakui diri mereka berkuasa kerana ketiadaan sumber rujukan tertinggi yang dapat dirujuk.

Oleh itu perlembagaan amat diperlukan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak pemerintah atau sesiapa sahaja. Perlembagaan memberikan garis panduan yang tepat bagi menangani apa jua masalah berbangkit.

Keperluan sesuatu perlembagaan menjadi lebih ketara dalam sebuah negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia. Justeru, perlembagaan diperlukan untuk mewujudkan suatu rangka politik, ekonomi, dan sosial yang dapat memudahkan perpaduan nasional serta pembangunan negara di samping melindungi kepentingan semua kaum.

Perlembagaan juga dapat menentukan agar kerajaan-kerajaan di setiap negeri mempunyai hak yang sama dan kebebasan tertentu di sisi undang-undang.

Semua ini bertujuan untuk menentukan amalan demokrasi yang diamalkan di negara ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Amalan demokrasi memberikan hak-hak tertentu kepada setiap rakyat dan hak-hak ini tidak boleh **dicabuli**.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah menjadi asas kepada perlembagaan dan pemerintahan Malaysia pada hari ini. Perlembagaan ini telah dipinda menjelang penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

Walau bagaimanapun, perlembagaan negara bukanlah sesuatu yang tetap atau tidak boleh diubah. Sebagai sebuah negara demokrasi, perlembagaan negara kita boleh dipinda atas sebab-sebab yang kukuh berdasarkan keperluan semasa. Jika perlembagaan tidak boleh dipinda, dasar pemerintahan akan menjadi statik.





*Parti yang memperoleh kuasa melalui pilihan raya boleh menukar perlembagaan sesebuah negara.*

Perlembagaan hanya akan dipinda atas beberapa sebab tertentu termasuklah tidak lagi **relevan** dengan keadaan semasa akibat peredaran masa.

Perlembagaan juga akan dipinda sekiranya didapati meninggalkan kesan negatif yang boleh menjejaskan ketenteraman dan keselamatan negara seperti wujudnya clemen perkauman dan sebagainya.

Pindaan perlembagaan umumnya dilakukan di Parlimen. Biasanya perkara yang hendak dipinda haruslah mendapat kelulusan lebih dua pertiga daripada keahlian dalam dewan.



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

# DEMOKRASI BERPARLIMEN

### PENGENALAN

Kebanyakan negara di dunia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Hal ini disebabkan sistem demokrasi memberikan **hak** kepada setiap warganegara untuk memilih calon pemerintah melalui proses pilihan raya.

Hal ini bermakna kuasa pemerintahan tidak akan dipegang selama-lamanya oleh satu pihak sahaja. Malah kelebihan demokrasi adalah rakyat berhak menolak atau menggantikan pemerintahan yang sedia ada jika gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dalam memajukan negara.

Demokrasi berasal daripada dua perkataan Latin iaitu 'demos' (pemerintahan) dan 'kratos' (rakyat). Konsep pemerintahan yang berasaskan pilihan oleh rakyat ini telah dimulakan di Athens pada kurun ke-5 Sebelum Masihi. Ternyata sistem demokrasi memberikan banyak kelebihan berbanding sistem lain.

Pemerintahan demokrasi di Malaysia sebenarnya berasaskan sistem demokrasi ala Westminster (Parlimen British di London).

Walau bagaimanapun, amalan dan konsep demokrasi di negara ini sebenarnya telah wujud serta diamalkan semenjak zaman lampau lagi menerusi adat perpatih.

Sistem demokrasi berparlimen juga wujud pada zaman feodal, walaupun pemerintahan pada masa itu dijalankan secara mutlak. Ini terbukti kerana sudah ada Majlis Mesyuarat Pembesar Negeri iaitu sama fungsinya seperti Dewan Undangan Negeri pada hari ini.

Raja pula dibantu oleh orang besar berempat, sama seperti jemaah menteri atau ahli exco pada hari ini. Di sesetengah negeri, mereka ini pula dibantu oleh orang besar 8, 16 dan 32 yang mungkin boleh disamakan dengan peranan timbalan menteri, ketua-ketua jabatan, dan pentadbir kanan di peringkat negeri.

Apabila British menguasai sistem pentadbiran di Tanah Melayu, konsep demokrasi berparlimen telah menjadi **formal** dengan tertubuhnya Dewan Undangan Negeri dan sebagainya.

Sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara ini adalah berlandaskan Perlembagaan Persekutuan yang mementingkan kesejahteraan dan keharmonian rakyatnya yang pelbagai.

## DEMOKRASI BERPARLIMEN

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang terdiri daripada persekutuan 13 buah negeri, iaitu sembilan buah negeri yang beraja dan empat buah negeri yang diketuai oleh Yang Dipertua Negeri.

Malaysia telah mengamalkan sistem kerajaan demokrasi berparlimen yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan yang berjaya dipertahankan sehingga hari ini.

Demokrasi berparlimen ialah pemerintahan yang dijalankan secara berdemokrasi dan berparlimen. Parlimen menjadi tempat semua wakil rakyat yang dipilih oleh pengundi untuk berdebat dan berbincang bagi menangani permasalahan negara.

Malaysia mempunyai ciri-ciri kenegaraan yang berpentadbiran, berkerajaan, berperundangan, dan berkehakiman tersendiri.

Negara kita juga mempunyai ciri-ciri kenegaraan yang baik seperti mempunyai sempadan politik yang jelas, komposisi penduduk yang berbilang kaum, dan sistem kerajaan yang demokrasi dalam parlimen yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu juga, Malaysia turut menjalankan hubungan dengan negara-negara asing secara **diplomatik** yang bertujuan untuk memajukan ekonomi negara dan menjamin keselamatan negara serta kedaulatannya.

Corak pemerintahan demokrasi berparlimen di negara ini lebih dikenali sebagai satu kuasa yang diterajui oleh rakyat yang perlu disahkan oleh pihak kerajaan iaitu Parlimen demi kepentingan rakyat.

Di Malaysia, kerajaan atau ahli kabinet adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin dalam gabungan parti Barisan Nasional yang telah membentuk majoriti dalam Parlimen Malaysia sejak sekian lama.

Keadaan inilah sebenarnya yang dikenali sebagai demokrasi berparlimen.

## RAJA BERPERLEMBAGAAN

Selain mengamalkan sistem yang berdemokrasi dalam parlimen, Malaysia juga mengambil langkah mengamalkan sistem raja berperlembagaan.

Sistem raja berperlembagaan ini bererti seorang raja tidak mempunyai sebarang kuasa yang mutlak, sebaliknya mempunyai kuasa yang terhad berdasarkan perlembagaan.



*Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan.*

Ini disebabkan kebanyakan dasar pemerintahan negara telah dijalankan oleh jemaah menteri atau kabinet sebagai barisan eksekutif yang mewakili kepentingan rakyat jelata.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, kuasa memerintah negara sebenarnya terletak di tangan Yang di-Pertuan Agong yang bertindak sebagai Ketua Eksekutif Negara.

Bagaimanapun secara praktiknya, Perdana Menteri lah yang menjalankan fungsi-fungsi eksekutif atas nama Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Eksekutif Negara. Dalam konteks ini Yang di-Pertuan Agong hanya menjadi lambang kekuasaan dalam pemerintahan negara.

Selain itu juga, Perlembagaan Persekutuan sememangnya juga memperuntukkan kepentingan institusi raja dalam pemerintahan dan pentadbiran negara Malaysia. Ini sebagai penghormatan kerana institusi raja telah pun wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.

## YANG DI-PERTUAN AGONG

Jawatan Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilakukan di kalangan sembilan orang Raja Melayu oleh Majlis Raja-raja mengikut aturan yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong merupakan seorang raja berperlembagaan yang memerintah mengikut kuasa yang diberikan kepada baginda oleh perlembagaan.

Sebagai Ketua Negara Malaysia, Yang di-Pertuan Agong berada di kemuncak ketiga-tiga bidang kuasa iaitu, eksekutif, perundangan, dan kehakiman. Yang di-Pertuan Agong mempunyai keutamaan yang melebihi semua orang di negara ini dan tidak boleh didakwa dalam perbicaraan mana-mana mahkamah.

Kuasa eksekutif adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Namun begitu, baginda harus bertindak atas nasihat kabinet atau nasihat seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am kabinet iaitu Perdana Menteri.

Semasa Majlis Raja-raja membincangkan perkara-perkara berkaitan dasar negara, baginda akan diiringi oleh Perdana Menteri. Baginda berhak mendapat apa-apa maklumat tentang pemerintahan kerajaan persekutuan daripada kerajaan.

Yang di-Pertuan Agong merupakan satu daripada tiga komponen Parlimen di samping Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jelasnya, baginda boleh memanggil, menangguh, dan **membubarkan** Parlimen pada bila-bila masa mengikut keperluan.

Tugas-tugas lain Yang di-Pertuan Agong termasuklah sebagai pemerintah tertinggi angkatan bersenjata dan ketua agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak, dan negeri asal baginda sendiri.

Selain itu, Yang di-Pertuan Agong juga bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

# PILIHAN RAYA UMUM

## Pengenalan

Pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia dijalankan dengan berkesan melalui proses pilihan raya umum. Hal ini bermakna setiap rakyat di negara ini berkewajipan keluar mengundi bagi menunaikan tanggungjawab mereka kepada negara tercinta.

Inilah masa terbaik untuk memilih wakil pemerintah yang dirasakan sesuai dan dapat memenuhi aspirasi rakyat.

Sebelum pilihan raya dijalankan, terdapat satu badan bebas yang akan menguruskan keseluruhan pilihan raya ini. Badan bebas ini dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pilihan raya ialah satu proses pemilihan yang dilakukan oleh rakyat secara terbuka dan bebas untuk melantik wakil-wakil mereka ke majlis-majlis atau jawatan penting bagi mentadbir negara. Justeru, pilihan raya menjadi antara komponen terpenting dalam proses demokrasi di negara kita.





*Sistem demokrasi membenarkan sesiapa sahaja yang layak untuk dicalonkan sebagai wakil rakyat dalam sesebuah pilihan raya.*

## CIRI-CIRI PILIHAN RAYA

Pilihan raya akan diadakan setiap lima tahun sekali. Ini bermakna pemerintah yang berkuasa harus berundur seketika bagi membuka peluang kepada rakyat untuk memilih calon pemerintah baru atau mengekalkan pemerintah yang sedia ada.

Pilihan raya hendaklah diadakan dalam masa 60 hari selepas pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Dalam tempoh ini, setiap parti yang bertanding bolehlah menggerakkan kempen bagi menawan hati para pengundi.

Terdapat tiga pihak yang terlibat secara langsung dalam sesuatu proses pilihan raya iaitu:

1. Badan pengendali pilihan raya atau lebih dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya.
2. Pemilih atau pengundi yang terdiri daripada rakyat yang memenuhi syarat-syarat mengundi seperti cukup umur.
3. Calon yang bertanding sama ada mewakili parti tertentu atau bertindak sebagai calon bebas.

Pihak pemilih memainkan peranan penting yang akan menentukan kejayaan seseorang calon dalam pilihan raya. Mereka yang layak mengundi ialah warganegara berumur 21 tahun pada tarikh kelayakan dan **bermastautin** dalam sesuatu kawasan pilihan raya.

Tiada sesiapa pun yang boleh mengundi dalam lebih daripada sebuah kawasan pilihan raya. Hal ini bermakna jika dirinya merantau ke negeri lain sekalipun, beliau terpaksa pulang semula ke kampung halaman untuk mengundi.

Tarikh kelayakan ialah tarikh yang ditetapkan untuk kerja-kerja menyediakan dan menyemak Daftar Pengundi. Umumnya seseorang pengundi yang berkelayakan boleh mengundi hanya jika namanya didaftarkan dalam Draf Pengundi.



*Suasana kemeriahan sepanjang kempen pilihan raya*

Tiap-tiap kawasan pilihan raya akan diwakili oleh seorang warganegara sahaja. Calon pilihan raya mestilah warganegara Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan sempurna akalnya. Calon yang **bankrap** diisytiharkan tidak layak bertanding.

Seseorang yang sudah memperoleh kewarganegaraan negara lain juga tidak boleh menjadi calon dalam pilihan raya. Ini disebabkan mereka sudah hilang taraf kerakyatan dan kesetiaan mereka terhadap negara ini juga akan dipersoalkan pengundi.

Sesungguhnya dalam proses pilihan raya, perkara penting ialah pihak pengundi boleh memilih tokoh pemimpin yang benar-benar berwibawa untuk memimpin negara.



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

# RUKUN NEGARA

### PENGENALAN

Rukun Negara merupakan **ideologi** negara yang menjadi garis panduan rakyat supaya sentiasa peka terhadap kesejahteraan semua menerusi perpaduan dan kesetiaan terhadap raja dan negara.

Rukun Negara telah digariskan oleh Majlis Perundangan Negara. Majlis ini mewakili parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan sosial, sivil, ekonomi, dan keagamaan. Justeru, prinsip Rukun Negara seharusnya dapat dihayati setiap rakyat tanpa mengira perbezaan kaum dan agama.

Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1971 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebenarnya terdapat beberapa sebab yang telah membawa kepada kewujudan prinsip-prinsip dalam Rukun Negara. Antaranya mengambil kira realiti kehidupan masyarakat majmuk.

Disebabkan masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum agama, budaya, dan cara hidup, semangat perpaduan yang utuh di kalangan masyarakat amat penting diamalkan.

Justeru, Rukun Negara pun dibentuk agar setiap rakyat dapat menghayati prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, sekali gus mempraktikkannya dalam kehidupan seharian agar ikatan perpaduan berkekalan.

Hal ini terbukti kerana Rukun Negara sememangnya mampu membentuk satu pegangan atau ideologi yang dapat mengeratkan perpaduan, membina identiti, dan kebudayaan negara serta mewujudkan semangat bangsa yang kuat.

Rukun Negara juga diyakini dapat membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu, demokratik, adil, liberal, dan progresif.

## PRINSIP RUKUN NEGARA

Dalam usaha merealisasikan segala impian dan harapan ke arah mencapai perpaduan dan kesejahteraan hidup, Rukun Negara telah menggariskan lima prinsip utama iaitu:

1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kesetiaan kepada raja dan negara
3. Keluhuran perlembagaan
4. Kedaulatan undang-undang
5. Kesopanan dan kesusilaan

Melalui prinsip kepercayaan kepada Tuhan, rakyat Malaysia yang berpegang kuat kepada agama harus sentiasa bersyukur serta menghargai kekayaan dan kemakmuran negara. Sikap ini secara tidak langsung membawa kepada perasaan taat setia yang tidak berbelah-bahagi dan perpaduan yang erat di kalangan rakyat.

Dalam pada itu, rakyat juga harus menumpukan taat setia kepada raja dan negara dengan menghormati lambang-lambang dan undang-undang negara.

Kesetiaan yang dipamerkan akan menjamin keamanan dan kesejahteraan yang seterusnya menjamin perkembangan serta kemajuan negara.

Selain itu, sebagai rakyat Malaysia kita harus menghormati, mematuhi perlembagaan, dan undang-undang negara. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara yang menjamin hak asasi serta kewarganegaraan setiap rakyat.

Kedaulatan undang-undang pula akan menjamin keadilan setiap rakyat mempunyai kedudukan yang sama dari segi perundangan. Tiada sesiapa pun di negara ini yang boleh mengatasi undang-undang yang telah diperuntukkan.

Seperti mana yang dinyatakan, dalam keadaan masyarakat yang berbilang kaum, sikap sopan dan susila sangat penting kerana semua rakyat harus menghormati serta saling memahami akan amalan dan kepercayaan kaum lain.

Selain itu, kesetiaan seseorang rakyat juga tidak boleh dipersoalkan semata-mata atas faktor keturunannya.



# DOKTRIN PENG- ASINGAN KUASA


## Pengenalan

Pengasingan kuasa adalah satu konsep asas dalam sesebuah kerajaan moden terutama bagi negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Hal ini disebabkan pemerintahan suatu yang amat kompleks dan membabitkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Apatah lagi bagi rakyat yang pelbagai kaum tentunya mempunyai banyak tuntutan berbeza-beza.

Pengasingan kuasa amat penting agar setiap perkara dapat diselesaikan mengikut **prosedur** yang tersendiri serta secara yang sistematik.

Doktrin ini menganjurkan sesuatu badan yang sama tidak seharusnya diberikan tanggungjawab untuk membuat undang-undang melaksanakannya, dan seterusnya menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang melanggar undang-undang.



*Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.*



Mengikut teori ini juga, kuasa kerajaan akan dibahagikan kepada tiga komponen utama, iaitu kuasa perundangan, kuasa eksekutif, dan kuasa kehakiman.

Kemudiannya doktrin pengasingan kuasa juga haruslah memenuhi beberapa syarat berikut:

- Badan perundangan hanya membuat undang-undang dan tidak boleh menyerahkan kuasa ini kepada sesiapa pun.
- Badan pemerintahan hanya menjalankan kuasa pemerintahan dan tidak boleh membuat undang-undang dan penghakiman.
- Badan kehakiman hanya menjalankan penghakiman dan tidak boleh membuat undang-undang atau menjalankan kuasa pemerintahan.

Sesungguhnya, matlamat utama doktrin pengasingan kuasa adalah untuk mengelakkan pemusatan kuasa di tangan mana-mana pihak. Jika hal ini berlaku, bermakna nilai demokrasi telah tercemar. Sebaliknya corak pemerintahan akan bertukar kepada autokratik dan penyalahgunaan kuasa akan berlaku secara berleluasa.

## PERKEMBANGAN PERUNDANGAN

Sistem perundangan di negara ini mempunyai sejarah perundangan yang selari dengan perkembangan sejarah tanah air. Kepentingan sistem perundangan disedari sejak awal kerana ia dapat mengawal tindak-tanduk masyarakat dalam lingkungan moral tertentu.

Namun setelah kedatangan banyak pengaruh asing seperti Hindu, Islam, Portugis, Belanda, dan Inggeris ke negara ini telah memberikan kesan yang mendalam kepada sistem perundangan dan pentadbiran masyarakat Melayu tradisional.

Justeru, proses pengubahsuaian terhadap undang-undang ini perlu dilakukan.

Kini, undang-undang di Malaysia dapat dibahagikan kepada empat tahap akibat daripada proses pengubahsuaian disebabkan kehadiran pengaruh-pengaruh asing ini.

## UNDANG-UNDANG ADAT

Sebelum kedatangan Barat lagi, negara kita telah mempunyai sistem perundangannya sendiri. Sistem Undang-undang Adat Melayu di Semenanjung Malaysia dan Undang-undang Bumiputera di Sabah dan Sarawak merupakan sistem undang-undang yang pertama sekali wujud di negara ini.

Undang-undang Adat Melayu dipengaruhi unsur agama Islam atau Hindu. Ini bersesuaian dengan kuatnya pengaruh agama Islam dan Hindu di kalangan rakyat pada masa itu.

Undang-undang ini terbahagi kepada dua cabang, iaitu adat perpatih dan adat temenggung. Berbanding dengan adat perpatih, adat temenggung ternyata telah dipengaruhi oleh hukum-hukum Hindu sebelum kedatangan Islam pada abad ke-15 lagi.

Namun begitu, setelah kedatangan Islam ke negara ini, kedua-dua sistem undang-undang disesuaikan dengan pengaruh agama Islam sehingga kekal digunakan pada hari ini.

### ADAT PERPATIH

Adat perpatih berasal dari Minangkabau. Adat ini lebih memberatkan kepada waris pihak perempuan berbanding waris pihak lelaki.

Adat perpatih banyak digunakan ataupun diamalkan di Negeri Sembilan dan juga sebahagian daripada daerah-daerah tertentu yang terdapat di Melaka.


Adat perpatih ini sebenarnya banyak membicarakan tentang kuasa serta bidang kuasa ketua-ketua dalam peringkat susunan masyarakat.

Selain itu, adat ini juga banyak membicarakan tentang hal yang berkaitan dengan kaedah-kaedah hukuman ganti rugi dan warisan harta pusaka, harta pembawa, harta dapatan, dan harta sepencarian.

## ADAT TEMENGGUNG

Jika adat perpatih hanya diamalkan di Negeri Sembilan dan juga sebahagian daripada Melaka, adat temenggung lebih popular dan diamalkan oleh kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia.

Undang-undang dalam adat temenggung mempunyai banyak persamaan dengan hukum-hukum agama Islam. Adat temenggung sebenarnya telah diamalkan dalam pentadbiran Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.



*Istana Negara menjadi tempat menginap Yang di-Pertuan Agong.*



*Penguatkuasaan undang-undang dapat menjamin keselamatan sesebuah negara.*

Asalnya adat temenggung merupakan satu adat yang telah dipengaruhi oleh agama Hindu. Namun kehadiran Islam pada abad ke-15 telah berjaya merubah adat ini kepada adat yang berteraskan agama Islam.

Adat temenggung banyak membicarakan tentang undang-undang berkaitan dengan kesalahan jenayah, kaedah-kaedah yang diguna pakai dalam menjatuhkan hukuman, peraturan sebagai seorang hamba abdi, hak milik serta warisan tanah, hal-hal berkaitan hutang piutang, sewa, dan fungsi-fungsi seorang pegawai.

Pelaksanaan adat temenggung tidak menjadi banyak masalah kerana rakyat sedia menghormati hukum yang diguna pakai dalam sistem tersebut.

Terdapat beberapa contoh sistem perundangan yang berkaitan dengan adat temenggung seperti kumpulan Undang-undang Johor, Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, kumpulan Undang-undang Selangor, dan banyak lagi.

## UNDANG-UNDANG ISLAM

Ketika kuasa Inggeris memerintah negeri-negeri Melayu, undang-undang Islam tidak berada di bawah bidang kuasa mereka. Sebaliknya ia terletak di bawah kekuasaan raja. Justeru, undang-undang tersebut tidak boleh diubah mahupun dipinda oleh pihak penjajah Inggeris.

Sehingga hari ini pun, pentadbiran undang-undang Islam di negara ini masih terletak di bawah kuasa raja sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing.

Hal ini terkecuali bagi negeri-negeri tidak beraja, iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sabah, dan Sarawak yang mana ketua agama Islamnya ialah Yang di-Pertuan Agong.

Pada hari ini, pentadbiran undang-undang Islam di negara ini terletak di bawah Mahkamah Syariah. Undang-undang Islam yang dipakai di Malaysia ialah undang-undang Islam mengikut **mazhab** Shafie.

Hal ini bersesuaian dengan pegangan agama kebanyakan umat Islam di Malaysia yang berpegang kepada mazhab berkenaan. Oleh itu sebarang percanggahan pendapat berkaitan mazhab dapat dielakkan di kalangan umat Islam.

Bagaimanapun, pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia hanya terhad kepada orang Islam sahaja. Ini bermakna orang yang bukan Islam apabila mereka ini telah melakukan kesalahan bersama orang Islam, mereka sama sekali tidak akan didakwa di Mahkamah Syariah. Hanya pasangan Islamnya sahaja yang akan didakwa di Mahkamah Syariah.

Undang-undang Islam telah ditadbirkan menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam mengikut negeri masing-masing. Namun dalam beberapa perkara, tidak terdapat keseragaman enakmen antara satu negeri dengan negeri yang lain.

## UNDANG-UNDANG PENJAJAH

Sebelum kedatangan Inggeris, dua kuasa penjajah yang pernah menduduki Tanah Melayu terlebih dahulu ialah Portugis dan Belanda. Antara negeri yang pernah dijajah oleh negara tersebut adalah negeri Melaka.

Melaka telah diperintah oleh Portugis dari tahun 1511 hingga tahun 1641. Kemudiannya, Melaka telah diperintah pula oleh Belanda sehingga tahun 1795. Selepas itu, Melaka telah diperintah pula oleh Inggeris dan kemudiannya telah diserahkan semula kepada Belanda pada tahun 1801.

Kemudiannya pada tahun 1807, Melaka sekali lagi diduduki oleh pihak Inggeris. Pendudukan ini telah berlanjutan sehingga tahun 1818. Pada tahun 1824 pula, satu Perjanjian Inggeris-Belanda telah diadakan.

Di bawah perjanjian ini, Melaka telah diletakkan di bawah penguasaan pihak Inggeris sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, iaitu pada tahun 1957.

Justeru, penjajahan demi penjajahan yang dialami menyebabkan sistem pemerintahan dan undang-undangnya sering kali bertukar-tukar mengikut keperluan.

Semasa di bawah pemerintahan Portugis misalnya, sistem Mahkamah Majistret telah pun ditubuhkan dan digunakan.

Selain daripada itu, satu sistem pentadbiran secara adil yang juga dikenali sebagai Pentadbiran Keadilan juga telah diadakan dan dikuatkuasakan oleh Gabenor dan Majlis Keadilan yang dianggotai oleh Hakim Besar (Ovidor), Datuk Bandar (Viador), Paderi Besar, Setiausaha Perang, dan Sarjan Mejar.

Setelah tertubuhnya sistem Mahkamah Majistret, masjistret-majistret yang mempunyai bidang kuasa sivil dan jenayah pula telah dilantik untuk mengendalikan masalah-masalah yang berkaitan.

Hakim Besar atau Majistret boleh menjatuhkan hukuman kepada pesalah-pesalah jenayah dengan mendapat pengesahan daripada Gabenor.

Gabenor boleh mengambil alih tugas Majistret apabila kes yang dibicarakan itu adalah satu kes yang berat dan serius, seperti kes-kes yang membabitkan kematian atau pembunuhan. Beliau juga mempunyai kuasa pengampunan.

Manakala kes-kes rayuan pula terpaksa dirujuk kepada Mahkamah Tinggi Keadilan di Goa, India. Justeru, proses rayuan untuk meminda hukuman akan mengambil masa untuk diselesaikan.

Sebenarnya, undang-undang Portugis hanya meliputi orang Portugis dan penduduk yang beragama Kristian sahaja. Manakala penduduk yang beragama Islam pula masih tertakluk di bawah undang-undang adat Melayu dan undang-undang Islam. Sementara bagi kaum-kaum lain pula, mereka tertakluk kepada undang-undang adat kaum masing-masing.

Pada zaman pemerintahan Belanda, sistem Mahkamah Keadilan yang digunakan adalah berasaskan undang-undang yang dikeluarkan oleh kerajaan pusat di Belanda dan Jawa.

## UNDANG-UNDANG INGGERIS

Undang-undang Inggeris mula diperkenalkan di Pulau Pinang melalui Piagam Keadilan 1807 yang telah menubuhkan Mahkamah Keadilan Pulau Prince of Wales.

Kuasa perundangan Mahkamah Keadilan Pulau Prince of Wales diperluaskan ke Melaka dan Singapura apabila Negeri-negeri Selat telah dibentuk pada tahun 1826.

Ini telah menunjukkan bahawa undang-undang Inggeris mula berkuat kuasa di semua Negeri Selat pada tahun itu melalui Piagam Kedua.



*Undang-undang negara turut meliputi urusan jual beli rumah.*



Undang-undang Inggeris yang berkuat kuasa di Negeri-negeri Selat telah dibuat penyesuaian dengan keadaan dan suasana tempatan agar ia tidak menimbulkan kezaliman dan penindasan terhadap rakyat tempatan.

Hal ini disebabkan undang-undang tersebut diambil daripada sumber asalnya yang digunakan untuk rakyat di negara asing. Apabila undang-undang tersebut dibawa ke negara ini, ia mesti dicorakkan semula dengan gaya hidup dan budaya setempat.

Piagam Ketiga pula telah diberikan kepada Syarikat Hindia Timur pada tahun 1855, yang jua memberi kuasa yang sama kepada Mahkamah Keadilan di Negeri-negeri Selat.

Di bawah piagam-piagam itu, undang-undang Inggeris dianggap berkuat kuasa setakat yang bersesuaian dengan keadaan tempatan dan diubah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan untuk berbuat demikian.

Hal ini berterusan sehingga Akta Undang-undang Sivil 1956 yang dikuatkuasakan di Negeri-negeri Melayu diperluaskan ke Negeri-negeri Selat. Bagi negeri Sabah pula, Common Law Inggeris dan ekuiti-ekuiti yang berkuat kuasa pada 12 Disember 1949.



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

# SUMBER UNDANG-UNDANG

### PENGENALAN

Setiap undang-undang yang dikuatkuasakan di mana-mana negara sekalipun harus mempunyai sumber-sumber yang sah dan dapat diterima pakai. Oleh itu, sumber undang-undang tersebut digubal dengan mengambil kira pelbagai sejarah kehidupan yang berlaku pada zaman sebelumnya.

Di negara ini, sumber perundangan merujuk peraturan undang-undang yang telah menjadikan sesuatu sumber itu sebagai undang-undang.

Selain itu, sumber undang-undang ini dibahagikan kepada dua bahagian atau kumpulan, iaitu undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis.

Secara amnya, undang-undang bertulis yang diterima pakai di negara kita terdiri daripada yang berikut:

- Perlembagaan negara

- Ⓐ Akta-akta yang diluluskan oleh parlimen setelah pelbagai perdebatan dilakukan mengenainya.
- Ⓑ Enakmen dan Ordinan yang telah mendapat kelulusan daripada Badan Perundangan Negeri.
- Ⓒ Perundangan Subsidiari (kecil) yang telah dibuat oleh seorang menteri atau badan-badan di bawah kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri.

Manakala undang-undang tidak bertulis yang diamalkan sejak sekian lama pula terdiri daripada:

- Ⓐ Undang-undang Adat
- Ⓑ Undang-undang Islam
- Ⓒ Undang-undang Inggeris
- Ⓓ Undang-undang Kes/Keputusan-keputusan mahkamah

## UNDANG-UNDANG BERTULIS

Undang-undang bertulis sememangnya lebih mudah diikuti dan dipatuhi kerana pengubalannya dilakukan secara **sistematik**. Jika wujudnya perbalahan berkaitan penguatkuasaan undang-undang, undang-undang bertulis dapat dijadikan rujukan. Umumnya undang-undang bertulis bersumberkan yang berikut.

### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Sesuatu perlembagaan itu dapatlah didefinisikan sebagai 'undang-undang yang menggariskan pemerintahan sebuah negara'. Perlembagaan yang digubal mengambil kira semua perkara termasuklah aspek kehidupan dan budaya setempat. Yang lebih penting, ia haruslah mengutamakan kepentingan rakyat.

Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan merupakan satu dokumen yang mengandungi semua undang-undang tertinggi yang menjadi sumber pemerintahan negara.

Namun begitu, berdasarkan latar belakang sejarah di mana negeri-negeri di Malaysia telah dipengaruhi oleh penjajah Inggeris, perlembagaan negara telah menjadi satu perlembagaan yang berkait rapat dengan perlembagaan Inggeris.

Pada hari ini, Perlembagaan Persekutuan telah diasaskan daripada Perlembagaan Tanah Melayu yang telah digubal oleh Suruhanjaya Reid.

Apabila Malaysia mula dibentuk pada 16 September 1963, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pula telah mengambil alih tempat Suruhanjaya Reid dalam mengasaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berikutan dengan pertukaran pengasas ini, beberapa perkara pula telah dipinda dan juga ditambah bersempena dengan kemasukan negeri-negeri Sabah dan juga Sarawak. Ini disebabkan perlembagaan yang digubal harus mengambil kira kepentingan rakyat di kedua-dua buah negeri.

Kini, Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah mengandungi sejumlah 183 Perkara dengan 13 Jadual.

Selain itu, terdapat juga beberapa Fasal dalam setiap Perkara yang diterangkan dengan terperinci sebagai satu garis panduan perundangan dan kepentingan rakyat negara ini.

## AKTA-AKTA PARLIMEN

Parlimen terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat, dan Dewan Negara. Di negara kita, undang-undang akan mendapat kelulusan dari Parlimen di peringkat Persekutuan.



*Mereka yang bersalah akan diadili dengan sewil-adilnya.*

Undang-undang yang telah diluluskan ini akan diberikan Akta.

Walau bagaimanapun, undang-undang yang diluluskan oleh pihak Dewan Perundangan Persekutuan semenjak tahun 1946 hinggalah tahun 1957 telah dinamakan sebagai Ordinan.

Kedua-dua dewan, iaitu Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat haruslah mempersetujui sesuatu rang undang-undang dan meluluskannya. Setelah itu, barulah ia dapat diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Dalam hal ini, Yang di-Pertuan Agong mestilah mempersetujui semua rang undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua majlis Parlimen sebelum rang undang-undang ini menjadi undang-undang yang sah.

Sesuatu rang undang-undang yang telah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong akan menjadi satu undang-undang yang sah setelah diwartakan. Oleh itu ia boleh dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa demi menjaga kepentingan negara.

## ENAKMEN DAN ORDINAN

Dewan Undangan Negeri mengandungi raja atau sultan atau Yang di-Pertua Negeri.

Pada asasnya, prosedur bagi membuat undang-undang di peringkat negeri adalah tidak jauh berbeza daripada apa yang telah ditetapkan untuk Majlis Parlimen Malaysia.

Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, iaitu badan perundangan tunggal di peringkat negeri, akan dipersembahkan kepada raja atau sultan atau Yang di-Pertua Negeri untuk diperkenankan.

Undang-undang itu akan mula berkuat kuasa dari tarikh undang-undang itu disiarkan.

Dewan Undangan Negeri boleh menggubal, meminda, dan menambahkan apa-apa perundangan yang difikirkan sesuai untuk negeri masing-masing. Rang undang-undang yang membabitkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan perlu diperkenalkan oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO).



*Bangunan Sultan Abdul Samad juga berfungsi sebagai bangunan mahkamah di ibu kota.*

## PERUNDANGAN SUBSIDIARI

Perundangan Subsidiari merujuk undang-undang yang telah dibuat oleh seseorang atau sesuatu badan tertentu, misalnya seorang Menteri atau Majlis-majlis Perbandaran yang mewakili kawasan-kawasan bandar tertentu.

Kuasa ini sebenarnya adalah tertakluk di bawah peruntukan-peruntukan Akta Parlimen atau Enakmen Negeri.

Misalnya pihak Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) mempunyai kuasa membuat undang-undang subsidiari yang sesuai dan berkaitan bagi tujuan pentadbiran kawasan Majlis Daerahnya.

Dalam hal ini, kebanyakan undang-undang yang digubal mengambil kira keperluan setempat yang berbeza-beza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Dengan cara itu, pelaksanaan terhadap sesuatu undang-undang akan menjadi lebih berkesan.

Undang-undang subsidiarinya mudah dipinda atau dibatalkan bagi membenarkan menteri atau pihak berkuasa berkenaan bertindak segera mengikut keperluan. Ini dapat mengelak atau mengatasi sebarang masalah ekonomi mahupun politik yang mungkin melanda.

## UNDANG-UNDANG TIDAK BERTULIS

Undang-undang tidak bertulis telah lama diamalkan oleh masyarakat di negara ini sejak zaman-berzaman, sebagaimana yang ditunjukkan melalui Undang-undang Adat.

Biarpun tidak terdapat akta dalam undang-undang ini yang dapat dijadikan sumber rujukan, namun ia tetap dilaksanakan kerana wujudnya persefahaman antara rakyat dengan pihak pemerintah.

Justeru dalam hal ini, mereka yang didapati bersalah akan dikenakan hukuman yang setimpal sebagai pembalasan.

## UNDANG-UNDANG ADAT

Undang-undang adat Melayu merupakan sekumpulan undang-undang yang masih lagi dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia oleh Mahkamah Syariah.

Undang-undang adat ini merupakan sebahagian daripada adat perpatih yang masih lagi diamalkan di Negeri Sembilan dan juga di negeri Sabah dan Sarawak.

Umumnya, undang-undang adat terdiri daripada adat dan tradisi masyarakat Melayu serta kaum Bumiputera yang lain di Malaysia. Undang-undang adat memang amat berbeza daripada undang-undang Inggeris misalnya kerana ia lebih bersifat undang-undang setempat.

Undang-undang adat telah dikuatkuasakan oleh Ketua-ketua Daerah. Undang-undang adat ini juga boleh dipinda dan juga diubah suai mengikut keperluan dan kehendak masyarakat. Oleh sebab inilah, undang-undang adat sehingga kini masih lagi tidak boleh dikanunkan.

Terdapat dua jenis undang-undang adat Melayu yang meluas diguna pakai di Semenanjung Malaysia iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih.

Berbeza pula bagi negeri Sarawak, undang-undang adat Melayu adalah merupakan campuran adat Melayu dan undang-undang Islam seperti yang telah dikanunkan dalam Undang-undang Mahkamah Malaya di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Sarawak.

Di Sabah pula, kanun undang-undang adat Melayu dan Islam dikenal sebagai Undang-undang Mahkamah Adat Orang Islam. Di Sabah dan Sarawak undang-undang adat Bumiputera bukan Melayu adalah ditadbirkan oleh Mahkamah Bumiputera di bawah kuasa Ordinan Mahkamah Bumiputera Sabah 1954 dan Ordinan Mahkamah Bumiputera Sarawak 1955.



## KEPUTUSAN MAHKAMAH

Apabila sesuatu kes itu dibawa ke muka pengadilan, mahkamah akan membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman berdasarkan bidang kuasa yang ada padanya.


Biarpun begitu keputusan mahkamah pada peringkat awal boleh dipinda jika yang didakwa mengambil keputusan membuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi.

Hanya keputusan mahkamah yang lebih tinggi sahaja yang dapat mengikat keputusan mahkamah yang lebih rendah daripadanya. Prinsip ini telah dikenali sebagai doktrin duluan kehakiman.

Keputusan Mahkamah Rendah, iaitu mahkamah yang lebih rendah daripada Mahkamah Tinggi pula tidak mengikat mana-mana mahkamah.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Agung adalah terikat dengan keputusan-keputusannya sendiri. Kes-kes yang belum ada duluan diadili oleh hakim mengikut keadilan, ekuiti, dan juga budi bicara hakim.

Sekiranya keputusan perbicaraan itu dibuat oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung, maka ia akan menjadi duluan asal. Keputusan mahkamah yang lebih rendah antara negeri tidak mengikat duluan kehakiman bagi negeri-negeri lain.



*Semua mahkamah di seluruh dunia membenarkan mereka yang bersalah membuat rayuan hingga ke peringkat paling tinggi.*



# SISTEM KEHAKIMAN

## PENGENALAN

Pada awalnya setiap negeri di Tanah Melayu mempunyai sistem pemerintahan, perundangan, dan keadilan yang tersendiri. Oleh sebab itu, tidak wujud suatu keselarasan dalam undang-undang dan sistem kehakiman.

Sistem yang digunakan antara satu negeri dengan negeri yang lain saling berbeza-beza antara satu sama lain. Justeru, tidak hairanlah apabila satu kes serupa dibawa ke mahkamah di dua buah negeri yang berbeza-beza, hukuman yang dijatuhkan juga berbeza-beza.

Pada zaman penjajahan British, mereka telah memperkenalkan sistem undang-undang British yang lebih seragam untuk dikuatkuasakan.

Hal ini dapat dilihat melalui penguatkuasaan undang-undang British di Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka, dan Singapura.

Segalanya bermula apabila Francis Light memperkenalkan peraturan-peraturan tertentu bagi mententeramkan keadaan di Pulau Pinang apabila negeri itu diserahkan oleh Sultan Kedah kepada pihak British.

Ketua-ketua kampung dilantik bagi mengendalikan kes-kes kecil di kalangan penduduk tempatan. Selain itu, mereka juga dipertanggungjawabkan menyimpan daftar perkahwinan, beranak dan kematian, hamba, jualan tanah, dan rumah.

Walaupun begitu, bidang kuasa sivil ketua-ketua kampung terbatas kepada tuntutan-tuntutan yang tidak melebihi RM10. Hal ini disebabkan ia lebih mudah diselesaikan mengikut budi bicara ketua-ketua kampung berkenaan.

Manakala perbicaraan kes-kes yang lebih berat dikendalikan oleh majistret. Keadaan ini berterusan hingga tahun 1807 apabila pihak penjajah dengan rasminya memperkenalkan undang-undang British melalui Statut atau Piagam Keadilan.

Pengenalan bagi undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dibentuk pada tahun 1896. Pengenalan undang-undang British ke negeri-negeri ini, iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang dibuat pada tahun 1937.

Pada tahun 1937, satu Enakmen Undang-undang Sivil telah diperkenalkan. Enakmen ini telah memberi kuasa statut untuk menjalankan undang-undang Common Law dalam ekuiti Inggeris kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Sementara Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, dan Johor menerima Undang-undang British melalui Ordinan Undang-undang Sivil (Perluasan) pada tahun 1951.

Kedua-dua undang-undang ini selepas itu telah digantikan pula dengan Ordinan Undang-undang Sivil 1956 menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.


Apabila Malaysia dibentuk pada 16 September 1963 undang-undang tersebut diselaraskan sehingga meliputi Sabah dan Sarawak yang mengakibatkan pindaannya dengan Akta Undang-undang Sivil (pindaan) 1972.

## HIERARKI SISTEM KEHAKIMAN

Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara juga mengetuai badan kehakiman. Perdana Menteri tidak mengetuai badan kehakiman kerana beliau ialah ketua kerajaan.

Ketua kehakiman ialah Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung. Ketua bagi pentadbiran mahkamah-mahkamah ialah Ketua Pendaftar.

Menteri Undang-undang tidak terbabit dalam soal penghakiman. Beliau bertanggungjawab dalam hal pembangunan fizikal mahkamah-mahkamah dan sumber manusia bagi bidang perundangan negara. Isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang juga berada di bawah bidang kuasanya.



*Pemandangan kamar perbicaraan di Mahkamah Syariah.*



*Sistem kebajikan di negara ini bebas daripada campur tangan pemerintah.*

Dari segi hierarki, mahkamah-mahkamah awam yang terdapat di negara ini ialah:

- (a) Mahkamah Agong
- (b) Dua buah Mahkamah Tinggi, iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo
- (c) Mahkamah-mahkamah Rendah

Selain mahkamah-mahkamah awam di atas, terdapat juga mahkamah-mahkamah yang mempunyai bidang kuasa khas seperti Mahkamah Juvenil, Mahkamah Tentera dan Mahkamah Bumiputera yang mengadili kes-kes dalam bidang kuasanya sahaja.



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

**LAMBANG  
NEGARA****PENGENALAN**

Setiap negara di dunia ini mempunyai identiti yang tersendiri. Identiti itu amat penting bagi membezakan negara tersebut dengan negara-negara lainnya. Identiti inilah yang dikenali sebagai lambang negara.

Banyak lambang yang digunakan bagi memperkenalkan identiti sesebuah negara termasuklah penggunaan bendera, jata negara, lagu kebangsaan, dan sebagainya.

**BENDERA MALAYSIA**

Pada 31 Ogos setiap tahun, bendera Malaysia atau kini lebih dikenali dengan nama 'Jalur Gemilang' akan berkibar megah di serata tempat baik di bangunan-bangunan, premis perniagaan, kediaman mahupun pada kenderaan.

Bendera Malaysia adalah lambang utama negara bagi mewujudkan rasa taat setia kepada negara.

Kesetiaan rakyat kepada negara yang tidak berbelah bahagi penting bagi sesebuah negara di mana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama serta mengamalkan budaya berbeza-beza.

Bendera Malaysia melambangkan perpaduan rakyat dengan kerajaan di samping melambangkan penyatuan negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia.

Ini disebabkan bentuk-bentuk dan warna-warna yang terdapat pada bendera negara kita mempunyai pelbagai makna tertentu untuk dihayati.

Bendera Malaysia mempunyai 14 jalur melintang iaitu tujuh jalur berwarna putih dan baki tujuh jalur lagi berwarna merah.

Empat belas jalur pada bendera Malaysia bermaksud terdapatnya 14 buah negeri di dalam Malaysia yang terdiri dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan.

Manakala bintang yang terdapat pada bendera Malaysia pula mempunyai 14 penjuru yang membawa maksud 14 buah negeri bersatu dalam negara Malaysia.

Bulan sabit pula melambangkan agama Islam yang menjadi agama rasmi. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, rakyat di negara ini juga bebas menganut apa-apa jua agama tanpa sebarang halangan.

Selain itu, warna-warna yang mewarnai bendera Malaysia juga mempunyai maksud yang tersendiri. Petak yang berwarna biru tua di penjuru kiri melambangkan perpaduan rakyat.

Bersesuaian dengan keadaan di negara ini yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama begitu mementingkan perpaduan dan bersatu hati bagi mencapai kemajuan negara.





*Jalur Gemilang berkibar megah di mana-mana.*

Apa yang jelas, sesebuah negara tidak akan maju sekiranya rakyat sentiasa berbalah antara satu sama lain dan ini sekali gus akan membawa kehancuran kepada negara.

Peristiwa 13 Mei 1969 harus dijadikan iktibar kepada semua rakyat Malaysia akan pentingnya kedamaian dan keharmonian di kalangan rakyat berbilang kaum.

Warna kuning pada bendera pula melambangkan warna diraja bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja. Warna kuning ini boleh didapati pada anak bulan dan bintang bendera Malaysia.

Tujuh jalur putih pada bendera melambangkan kesucian dan warna merah pula menggambarkan keberanian. Keberanian di sini bukan sahaja berjuang di medan peperangan, tetapi merangkumi ruang lingkup kehidupan yang lebih meluas baik dari segi pekerjaan, perbuatan, sikap, dan sebagainya yang akan membawa kemajuan kepada negara.

Sesungguhnya, bagi seluruh warga Malaysia kita seharusnya menghormati bendera Malaysia kerana ia melambangkan identiti dan simbol kepada negara ini.

Tidak kira di mana jua kita berada, kita harus berbangga dengan bendera Malaysia dan mengibarkannya kerana meskipun negara kita kecil, kita mampu menempa kejayaan demi kejayaan di arena antarabangsa.

## JATA NEGARA

Jata Negara ialah tanda yang melambangkan ciri-ciri negara. Setiap negeri mempunyai jata negeri masing-masing yang mempunyai maksud yang tersendiri.

Antara lambang-lambang yang terdapat pada Jata Negara terdiri daripada dua ekor harimau, bulan sabit, bintang, bendera-bendera negeri, lima bilah keris, dan cogan kata 'Bersekutu Bertambah Mutu.'

Lambang-lambang ini mempunyai maksud yang tertentu.

Bintang yang mempunyai 14 penjuru melambangkan 14 buah negeri dan kerajaan Persekutuan Malaysia. Bahagian ini sama seperti bendera Malaysia yang mempunyai 14 jalur merah putih.

Lambang bulan sabit pada Jata Negara melambangkan agama rasmi negara, iaitu agama Islam. Biarpun Islam muncul sebagai agama rasmi, namun rakyat bebas memilih agama masing-masing.

Lambang harimau pada Jata Negara membawa pengertian keberanian. Harimau terkenal sebagai haiwan liar yang cukup ditakuti kerana sifatnya garang dan cukup berani.

Dengan kata lain, rakyat harus berani menghadapi apa-apa jua rintangan yang mendatang demi mempertahankan kedaulatan negara tercinta.

Selain itu, Jata Negara juga melambangkan sejarah perkembangan negara ini. Inggeris memulakan penjajahan di negeri Perak pada tahun 1874. Tidak lama kemudiannya orang Inggeris menjajah negeri Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan.



*Jata Negara*



*Menghormati lagu Negaraku dengan berdiri tegak.*

Menjelang tahun 1896, negeri-negeri ini, iaitu Perak, Pahang, Negeri Sembilan, dan Selangor disatukan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Negeri-negeri ini dilambangkan dalam urutan warna bendera negeri masing-masing.

Warna merah, hitam, dan kuning untuk bendera Negeri Sembilan, hitam dan putih untuk negeri Pahang, hitam, putih, dan kuning bagi negeri Perak sementara merah dan kuning untuk Selangor.

Negeri-negeri yang tidak termasuk dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu pula disebut Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang terdiri daripada Johor, Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu. Negeri-negeri ini dilambangkan dengan lima bilah keris pada Jata Negara.

Pada bahagian tengah sebelah kanan, boleh dilihat lambang negeri Pulau Pinang iaitu pokok pinang. Di bahagian sebelah kiri pula melambangkan negeri Melaka dengan tanda pokok Melaka.

Bagi negeri Sabah dan Sarawak, lambang-lambang terletak pada bahagian bawah kiri dan kanan. Pada bahagian tengah di antara lambang-lambang negeri Sabah dan Sarawak boleh dilihat sekuntum bunga raya.

Bunga raya ialah bunga kebangsaan Malaysia. Bunga raya pada Jata Negara melambangkan kerajaan Persekutuan.

Pada bahagian bawah sekali terdapat cogan kata yang berbunyi 'Bersekutu Bertambah Mutu'. Cogan kata ini bermaksud bersekutu atau bersatu itu sangat penting.

Jika bersatu, kita akan menjadi kuat dan berupaya memikul tanggungjawab untuk memajukan negara. Cogan kata tertulis dalam huruf rumi dan jawi yang berlatarbelakangkan warna kuning. Warna kuning pula melambangkan warna diraja.

## LAGU KEBANGSAAN

Negaraku adalah judul lagu kebangsaan negara ini yang berasal daripada sebuah lagu yang popular di Pulau Seychelles pada tahun 1880-an.

Lagu Terang Bulan pada hari ini masih menjadi lagu negeri Perak dan irama lagu Negaraku diambil daripada irama lagu ini. Oleh sebab itulah lagu negeri Perak sama iramanya dengan lagu Negaraku.

Lagu Negaraku telah digubah pada tahun 1957 iaitu pada tahun kemerdekaan negara ini. Seni kata lagu kebangsaan bertumpu pada kesetiaan kepada raja dan negara, perpaduan rakyat, dan kemajuan negara.

Lagu kebangsaan bertujuan memupuk semangat kebangsaan, rasa cinta kepada tanah air dan perpaduan rakyat. Setiap rakyat Malaysia harus tahu menyanyikan lagu kebangsaan di samping menghayati seni kata lagu. Penghayatan yang sewajarnya perlu agar kita dapat melahirkan kecintaan kepada tanah tumpah darah kita.

Umumnya, lagu kebangsaan dinyanyikan atau dimainkan sewaktu upacara-upacara rasmi negara seperti pembukaan persidangan Parlimen dan pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebagai rasa hormat kepada Lagu Kebangsaan yang dinyanyikan, setiap warganegara Malaysia hendaklah berdiri tegak. Berdiri tegak menandakan kita bukan sahaja menghormati lagu yang dinyanyikan tetapi juga menghormati negara kita, Malaysia.

Lagu kebangsaan besar maknanya bagi kita semua sebagai warganegara Malaysia. Sesungguhnya rasa cinta kepada tanah air boleh ditunjukkan dalam pelbagai cara.

## **BUNGA KEBANGSAAN**

Bunga kebangsaan bagi Malaysia ialah bunga raya. Warna bunga raya yang merah melambangkan keberanian dan kegigihan rakyat Malaysia untuk terus berjuang mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara ini.



# GLOSARI

- mendefinisikan** : memberi makna atau takrifan tertentu terhadap sesuatu perkataan atau ayat.
- dicabuli** : diceroboh atau dilanggar hak-hak tanpa meminta izin terlebih dahulu.
- relevan** : hal-hal yang bersangkutan sesuatu perkara atau saling kait-mengait.
- hak** : ruang yang dimiliki untuk menyatakan pendirian mahupun berkaitan pemilikan sesuatu.
- formal** : sesuatu yang bersifat rasmi.
- diplomatik** : jalinan hubungan dengan negara lain yang berdasarkan tolak ansur dan permuafakatan demi faedah bersama.
- membubarkan** : hak memansuhkan atau membatalkan.



## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

# GLOSARI

- bermastautin** : menetap atau tempat tinggal.
- muflis** : tuduhan bankrap sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah akibat kegagalan membayar hutang.
- ideologi** : kepercayaan, pegangan, dan taat setia terhadap sesuatu perkara.
- progresif** : sesuatu yang bersifat maju lagi dinamik.
- prosedur** : aturan atau garis panduan yang harus dipatuhi.
- mazhab** : sesuatu pegangan terhadap agama Islam yang dicorakkan oleh kepercayaan dan pegangan imam tertentu.
- sistematik** : sesuatu yang tersusun dan terancang.





## SIRI PANDUAN KENEGARAAN

## SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan negara sebagaimana yang ditakrifkan oleh undang-undang?
2. Apakah yang dikatakan sebagai perlembagaan?
3. Apakah kelebihan amalan demokrasi yang dipraktikkan di negara ini?
4. Berapa lamakah penggal pemerintahan sesebuah kerajaan akan bertahan sebelum pilihan raya baru diadakan?
5. Senaraikan prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara.
6. Apakah yang dikatakan sebagai undang-undang tidak bertulis?
7. Dari manakah asalnya sistem kehakiman yang digunakan di negara kita?
8. Bilakah lagu kebangsaan dinyanyikan?

